

25 MAY 1996

Yong - Perlantikan

TARIKH PELANTIKAN YONG DIJANGKA DIKETAHUI ISNIN

KOTA KINABALU, 25 Mei (Bernama) -- Timbalan Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee yang akan dilantik Ketua Menteri Sabah yang baru menggantikan Datuk Salleh Said berkata tarikh bagi upacara mengangkat sumpah jawatan itu dijangka diketahui Isnin ini.

Beliau memberitahu pemberita di Lapangan Terbang Kota Kinabalu sekembalinya dari Kuala Lumpur selepas mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi tadi bahawa keputusan rasmi berhubung perkara itu akan dibuat oleh Istana Negeri.

"Perdana Menteri (dalam pertemuan hari ini) tidak menyebut bila tarikh (mengangkat sumpah)... jadi kita kena tunggu perkembangan selanjutnya Isnin ini," katanya.

Mengenai sama ada pengagihan kabinet negeri ada dibincangkan dalam pertemuannya dengan Dr Mahathir hari ini, Yong yang juga Menteri Kewangan Negeri berkata: "Semua urusan rasmi (berhubung perlantikannya sebagai Ketua Menteri) ada dibincangkan."

Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) itu, berkata beliau akan menemui Salleh apabila Salleh kembali daripada bercuti di luar negeri, untuk membincangkan peralihan kuasa berikutan pelaksanaan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri.

Semalam Perdana Menteri berkata Yong akan dilantik sebagai Ketua Menteri yang baru minggu depan.

Berikutan pengumuman itu, Yong dijangka mengangkat sumpah jawatan selewat-lewatnya Rabu ini kerana Sabah hanya mempunyai tiga hari bekerja -- Isnin, Selasa dan Rabu -- minggu depan.

Hari Khamis dan Jumaat ialah cuti umum di Sabah sempena perayaan Pesta Kaamatan dan cuti gantian sempena Hari Wesak pada Sabtu. -- BERNAMA

JS FAZ